

20/01/1997

Undang-undang siber disokong

Meor Hisham Zulkifli

KUALA LUMPUR, Ahad - Ahli perundangan negara mengalu-alukan cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menubuhkan Mahkamah Keadilan Siber.

Dekan Jabatan Undang-Undang dan Kajian Pentadbiran Institut Teknologi Mara (ITM), Zita Mohd Fahmi, berkata penubuhan mahkamah itu adalah visi yang baik dan tepat pada masanya.

"Dengan perkembangan teknologi kini perlu ada undang-undang baru dan mahkamah khas bagi menangani persoalan semasa dan segala undang-undang yang berkaitan dengan siber.

"Perlindungan harta intelek, jenayah komputer, paten, dan serangan virus komputer adalah perkara baru yang memerlukan penggubalan undang-undang yang baru," katanya ketika dihubungi hari ini.

Perdana Menteri Khamis lalu berkata fungsi mahkamah itu sebagai tempat rujukan antarabangsa dalam menangani pelbagai isu siber berikutan cabaran, penyalah-gunaan dan gejala negatif berkaitan siber semakin kompleks serta sukar ditangani.

Sebelum itu, Dr Mahathir juga mengumumkan bahawa undang-undang siber akan digubal bagi mengatasi masalah ledakan era maklumat yang menyaksikan negara terbabit secara langsung melalui Koridor Raya Multimedia (MSC).

Zita berkata, dalam era teknologi terkini semua perhubungan dan perjanjian antarabangsa menggunakan komputer yang pastinya memerlukan undang-undang berkaitan.

"Berikutan itu fakulti undang-undang negara ini perlu peka dan menyediakan kurikulum tertentu bagi melahirkan peguam yang mampu dan sedia mengendalikan kes berkaitan siber.

"Mungkin tidak perlu ada mahkamah yang berasingan daripada mahkamah sedia ada tetapi apa yang penting ialah kewujudan undang-undang yang berkaitan dan kemampuan pihak yang terbabit mengendalikan kes itu," katanya.

Setiausaha Persatuan Peguam Peguam Muslim Malaysia, Mohd Razif Tan Sri Mohd Zahir, berkata persatuan mengalu-alukan cadangan penubuhan mahkamah itu kerana ia akan memberi banyak manfaat kepada semua.

"Namun persoalan yang perlu ditekan ialah penggubalan undang-undang berkaitan supaya dapat menangani sebarang persoalan siber dan boleh memberi perlindungan kepada semua pihak terbabit.

"Di samping itu, peguam dan pengamal undang-undang negara ini perlu bersedia mendalami pengetahuan mengenai siber bagi memastikan mereka mampu mengendalikan kes itu jika Mahkamah Keadilan Siber ditubuhkan nanti.

Menurutnya, negara kini, tidak mempunyai ramai peguam yang mahir dalam persoalan siber misalnya dalam isu harta intelek kerana ada peguam yang tidak mempelajarinya sebelum ini berikutan kursus itu ditawarkan sebagai mata pelajaran pilihan.

(END)